

70 mahasiswa sertai Forum Bicara Ilmu Ekonomi

UB 26.4.2018 B2



DARI KAMPUS

Oleh ABD NADDIN
HJ. SHAIDDIN

SERAMAI 70 orang mahasiswa/i Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai dan melaksanakan program Forum Bicara Ilmu Ekonomi 1.0 di Dewan Kuliah Pusat II bermula daripada jam 7.30 pagi sehingga 1.00 petang, di

Kota Kinabalu baru-baru ini.

Program 'Bicara Ilmu Ekonomi 1.0' adalah program berbentuk pendidikan dan kepimpinan. Ia melibatkan semua para penuntut dan warga UMS serta orang luar sekitar Kota Kinabalu.

Antara objektif utama program ini adalah untuk melahirkan para ilmuan yang berinformasi dan bijaksana di samping dapat menambahkan nilai tambah kepada pelajar untuk mengetahui isu-isu semasa ekonomi dalam dan luar negara.

Selain itu, program ini juga menggalakkan para pelajar untuk



SESI bergambar bersama tetamu jemputan Bicara Ilmu Ekonomi.

berfikiran terbuka dan dapat membantu untuk meningkatkan ekonomi negara ke arah lebih baik kerana para remaja merupakan aset kepada masa depan sesebuah negara.

Program ini sekaligus

dapat memberikan input yang positif kepada negara untuk merealisasikan Wawasan 2020 iaitu menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Mempunyai ilmu pengetahuan mengenai

ekonomi sangatlah penting bagi menjamin masa depan sesebuah negara, oleh yang demikian program sebegini sangat sesuai kepada semua penuntut dan warga UMS serta rakyat Malaysia secara umumnya untuk dilaksanakan.

Tiga panel jemputan semasa program forum berlangsung, iaitu Dr Rozilee Asid, Ustaz Mazhair Shahroz Muhasip dan Alani Bazla Ahmad Jihaduddin manakala moderator forum ialah Hasrianto Hassan.

Prof Madya Dr. Raman

Noordin dalam ucapan perasmiannya berkata program seperti ini di harap dapat diteruskan untuk masa akan datang agar para penuntut cakna mengenai isu-isu semasa ekonomi sekaligus menambahkan ilmu pengetahuan kepada penuntut untuk digunakan setelah bergraduasi kelak.

Setelah program selesai terdapat beberapa peserta memberikan maklumbalas mengenai program ini yang mana mereka sangat bersyukur dan gembira kerana dapat menghadiri program seperti ini dan berharap agar program seperti ini akan dapat diteruskan dan dilaksanakan kelak.